

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]
TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan Program Subsidi Upah 2020 dan apakah kelulusan dan pembayaran setiap bulan sehingga Jun 2020 untuk program tersebut serta adakah syarat-syarat kelayakan terlampau ketat menyebabkan banyak syarikat yang memerlukan bantuan gagal menerimanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keseluruhan Program Subsidi Upah (PSU) di bawah PRIHATIN dan PENJANA telah diperuntukkan sebanyak RM15.3 bilion dan pembayaran PSU mengikut bulan sehingga Jun 2020 adalah seperti berikut:

Jadual Kumulatif kelulusan dan pembayaran PSU mengikut bulan

Bulan (Akhir Bulan)	Lulus Untuk Bayaran		Terima Bayaran	
	Bil. Majikan	Jumlah Subsidi (RM Billion)	Bil. Majikan	Jumlah Subsidi (RM Billion)
April	235,658	1.932	117,093	1.188
Mei	287,029	3.886	282,722	3.511
Jun	309,655	7.144	309,449	6.713

Syarat-syarat PSU yang telah ditetapkan telah ditambahbaik dalam PENJANA untuk meningkatkan kadar penyertaan (*take-up rate*) majikan. Antaranya adalah untuk membenarkan majikan melaksanakan pengurangan waktu bekerja mingguan dan pengurangan gaji dengan persetujuan pekerja serta membenarkan pekerja menerima subsidi upah secara langsung bagi mereka yang mengambil cuti tanpa gaji dengan syarat pekerja menerima subsidi upah secara langsung (bagi sektor pelancongan dan sektor tersenarai dalam aktiviti terlarang sepanjang tempoh PKPB).

Sekian, terima kasih.